

**REVOLUSI BAHASA DAN ASAS TAMADUN: HURAIAN LENGKAP SECARA ANALITIS DAN KRITIS** oleh Solehah Yaacob. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. 2020. Halaman 372. ISBN 978-983-49-2330-3.

Hasil bermanfaat ini adalah penulisan seorang pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dalam bidang Falsafah Tatabahasa Arab. Beliau banyak membentangkan kertas kerja di pelbagai negara seperti Turki, Iran, Mesir, Amerika Syarikat, Brunei, Emiriah Arab Bersatu dan Jordan. Beliau dianugerahkan sebagai “Distinguished Woman in Humanities and Social Sciences in Arabic Literature” dan banyak lagi anugerah lain.

Tertera tarikan pertama di kulit muka buku dengan pernyataan: “Menelusuri Perkembangan Bahasa Semitik dan Susur Galur Peradaban Manusia dari Zaman Nabi Adam a.s hingga Zaman Para Sahabat”. Tarikan kedua adalah coretan: “Buku ini didedikasikan untuk pencinta sejarah para anbia...” di muka sebelum kandungan. Keindahan helaian ini menetengahkan gambaran revolusi bahasa bermula daripada sebelum masihi sehingga selepas masihi. Kandungan buku ini dimulakan dengan senarai peta, foto, jadual, kata pengantar, bab 1 hingga bab 6 dan kesimpulan.

Bab satu mengisahkan tentang bahasa dan penciptaan awal manusia. Perbincangan awal adalah berkaitan asal usul bahasa. Ulama Islam membahagikan bahasa kepada dua peringkat, iaitu bahasa yang diperoleh daripada wahyu dan kedua ialah bahasa yang diberikan dan disepakati untuk panggilan sesuatu benda atau perbuatan. Barat pula menjelaskan bahawa bahasa pertuturan dan penulisan pada awalnya tidak terkira, kemudian sistem dicipta untuk membolehkan bahasa itu digunakan dalam bentuk yang terkategori atau finit. Selain itu, terdapat pandangan mengatakan bahawa bahasa bermula dengan bunyi-bunyian seperti desiran pantai, dentuman guruh, percikan air dan selainnya. Maka, terlahirlah bahasa daripada hasil bunyi-bunyian tersebut.

Konsep bahasa merujuk pandangan Islam adalah bahasa yang terhasil daripada kata-kata Tuhan dan bahasa terhasil daripada kata-kata yang diciptakan oleh manusia. Manakala pada pandangan Barat, konsep bahasa adalah daripada pembentukan perkataan. Noam Chomsky, mengatakan bahawa konsep bahasa mempunyai kaitan dengan pemikiran seseorang, manakala tulisan pula hanyalah simbol yang bertugas sebagai penterjemahan terhadap perkataan yang diucapkan.

Tercetus perdebatan tentang bahasa pertuturan Nabi Adam a.s. ketika berbicara dengan Allah SWT dalam kalangan ahli sejarah purba dan ahli bahasa. Hal ini kerana, para sejarawan tidak dapat memastikan bahasa apakah yang digunakan semasa Nabi Adam a.s. berinteraksi dengan Allah SWT. Terdapat dalam kalangan sejarawan mengatakan bahawa mereka tidak dapat menerima bulat-bulat pernyataan yang dinyatakan di dalam al-Quran, kerana pendapat itu hanyalah perbualan yang disadur atau yang sudah diterjemah dalam bahasa Arab. Pandangan menjadi berbeza apabila melibatkan perbualan Allah bersama malaikat semasa di syurga berkaitan penciptaan manusia akan menyebabkan pembinaan di bumi Allah. Menurut pakar bahasa Arab dalam kajian surah al-Baqarah ayat 30, menyatakan bahawa wujud ciri-ciri kekuatan dalam perbualan ini kerana laras bahasa yang digunakan mengandungi unsur-unsur arahan. Maka dengan itu, amat pentinglah bagi sesetengah pihak untuk mempelajari ilmu bahasa Arab dengan lebih mendalam.

Tanpa disadari terdapat dua jenis Homo yang pernah hidup dalam dunia ini, iaitu Homo sapiens atau lebih mudah dikenali sebagai 'manusia' dan Homo erectus yang dipercayai wujud lebih awal daripada Homo sapiens. Menurut ahli sains, kejadian Homo sapiens bermula dengan kejadian Nabi Adam a.s. dan anak cucunya. Hal ini kerana, selepas Nabi Adam a.s. dan Hawa diperintahkan untuk turun di bumi mereka telah diajarkan oleh para malaikat cara untuk melalui kehidupan di dunia. Persoalannya mengapa Nabi Adam a.s. digelar sebagai Homo sapiens dan bukan Homo erectus? Hal ini dibuktikan apabila Allah pernah menyebut dalam al-Quran bahawa khalifah yang diciptakan olehNYA merupakan khalifah yang bijak pandai. Hal ini diterangkan lebih lanjut apabila Homo erectus dan Homo sapiens mempunyai kandungan genetik DNA yang sangat jauh berbeza. Ahli sains tidak dapat menggunakan FOXP2 gen yang boleh dikaitkan dengan kebolehan berbahasa terhadap Homo erectus seperti Homo sapiens. Namun, mereka tetap yakin bahawa golongan mamalia ini mempunyai bahasa perhubungan mereka tersendiri dan bahasa itu tidak seperti bentuk tatabahasa Homo sapiens. Sekiranya kenyataan ini tepat, maka ternyata Homo sapiens ialah manusia yang sebenar kerana hanya kebolehan mereka dalam berbahasa menjadi bukti Allah SWT membezakan antara manusia dan haiwan.

Buku ini sangat menarik dalam menjadualkan fakta zaman nabi dan zaman lain yang berkaitan. Sebagai contoh, Nabi Adam a.s. dan anak-anaknya hidup pada zaman batu, manakala Nabi Ismail a.s. hidup pada zaman pertengahan atau zaman gangsa. Jelas, buku ini melakar maklumat yang sangat berinformasi. Kitab '*Perjanjian Lama*' mengatakan bahawa kisah Nabi Nuh a.s. melibatkan 7 sempadan negara iaitu: Syria, Turki, Iraq, Iran, Armenia, Azerbaijan dan Tbillisi. Kisah yang bukan hanya tentang banjir besar. Tambahan pula, para sejarawan menemui sisa kapal di atas gunung Agri atau gunung Ararat di Turki yang berketinggian 4000 meter dan mereka mendakwa bahawa itu adalah sisa bahtera Nabi Nuh a.s. Namun kisah ini tertulis di dalam al-Quran bahawa bahtera Nabi Nuh a.s. berhenti di atas Bukit Judi seperti tertera pada ayat ke-44, surah Hud.

Al-Quran tidak banyak menjelaskan kisah pelayaran Nabi Nuh a.s. dan isi bahtera secara terperinci. Kisah anak-anak Nabi Nuh a.s. juga tidak diterangkan oleh al-Quran dengan lebih lanjut. Namun, perihal ini banyak terdapat dalam riwayat Israiliyat dan Kitab Yahudi yang menceritakan perihal anak-anak Nabi Nuh a.s. kerana menurut mereka selepas banjir besar berlaku, anak-anak Nabi Nuh a.s. berhijrah ke timur, barat, selatan dan utara. Namun, antara hal yang dipersetujui oleh Kitab Samawi dan hadis Nabi SAW ialah daripada keturunan Nabi Nuh a.s. ini lahir pelbagai bahasa dan bangsa keturunan di bumi. Di sini Islam mempunyai pendirian tersendiri dan segala yang tertera dalam riwayat Israiliyat tidak boleh diambil sepenuhnya. Islam hanya berpegang pada al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Umumnya kita ketahui bahawa Semenanjung Tanah Arab ini kebanyakannya tidak subur tanahnya. Namun, pandangan ini salah. Hal ini kerana pada zaman dulu kala terdapat beberapa lembah paling subur namun lama-kelamaan lembah tersebut menjadi kering kontang kerana perubahan cuaca panas yang mendadak.

Dalam buku ini turut mengatakan bahawa keturunan Nabi Nuh a.s. disebut sebagai peringkat pertama penghijrahan manusia sesudah banjir besar. Perubahan cuaca yang melampau memaksa mereka mencari tempat tinggal yang baharu, namun begitu tidak semua mahu berhijrah ke tempat lain. Bahkan ada yang sanggup menetap di bumi yang tandus itu semata-mata ingin mempertahankan tanah air dan bangsa, keadaan ini berlaku kepada al-Arab al-Baidah.

Kod Hammurabbi mengusulkan undang-undang dalam sesebuah pentadbiran. Undang-undang ini merupakan kod purba undang-undang yang terawal dan lengkap yang berada di bawah pemerintahan Hammurabbi. Persoalannya adalah bagaimanakah penterjemah mengetahui akan penulisan kod Hammurabbi yang hanya beradasarkan huruf purba dalam bahasa Babylon? Hal ini sangatlah rumit kerana tiada seorang pun yang pernah hidup pada zaman Hammurabbi. Persoalan ini masih menjadi tanda tanya dan menyebabkan kajian-kajian berkaitan berterusan hingga kini. Kesimpulan daripada Bab satu ialah betapa sukarnya revolusi bahasa pada zaman dulu kala tetapi generasi masa kini banyak menyelewengkan bahasa dan sesuka hati mereka mencipta bahasa yang tidak sesuai. Sebagai manusia yang hidup di zaman teknologi seharusnya mempelajari bahasa purba ataupun cuba untuk mengetahui tentang kewujudan bahasa-bahasa kuno. Ini membantu dalam usaha menambah pengetahuan tentang asal usul manusia, malah perkara ini menjadi bertambah penting apabila melibatkan Allah, para anbiya dan para malaikat.

Bab dua menerangkan dengan lebih terperinci tentang kewujudan batu bersurat epik Gilgamesh yang merupakan hasil tulisan kuno yang paling awal dijumpai. Namun, terdapat kisah yang mengaitkan bahawa epik Gilgamesh ini hanyalah kebetulan atau propaganda yang diwujudkan. Terdapat maklumat bahawa epik Gilgamesh yang ditulis dalam tulisan paku tersebut mengesahkan tentang banjir besar yang berlaku dan cerita ini adalah sama seperti kisah Nabi Nuh a.s. Banyak pergelutan maklumat berlaku berkaitan kisah Nabi Nuh a.s. dan batu bersurat epik Gilgamesh. Maka kajian tentang kisah Nabi Nuh a.s. haruslah dilakukan secara terperinci agar tiada penyelewengan dan tidak hanya berpandukan maklumat dalam buku *Perjanjian Lama* semata-mata. Perkara yang dipelajari dalam bab dua adalah tentang kepentingan sesebuah undang-undang demi membentuk seseorang manusia itu beretika, bertolak ansur, mempunyai sikap memahami dan patuh pada arahan demi menjaga kesejahteraan sesebuah pemerintahan. Dengan itu, amat pentinglah seseorang itu mengikut undang-undang agar dapat menjaga ketenteraman sesebuah negara.

Bab tiga meneruskan helainnya menelusuri kerajaan awal dan bahasa para nabi. Jelas diketahui bahawa ulama yang dikenali sebagai Luqman al-Hakim sangat bijaksana dalam mengajar anaknya untuk tidak mensyirikkan Allah dan sentiasa berkelakuan baik. Namun begitu cacatan penting yang disampaikan dalam penulisan ini ialah beliau hidup dalam zaman Nabi Daud a.s. Diberitahu bahawa kaum 'Ad dan kaum Thamud adalah kaum yang ditimpa bencana dan diazab semasa di dunia kerana melanggar perintah nabi mereka. Namun begitu para pengkaji ada mengatakan bahawa kaum Thamud adalah kaum yang bertamadun. Hal ini kerana, mereka mempunyai tempat tinggal yang tetap, mempunyai rumah ibadah yang berbentuk bangunan dan ada dalam kalangan mereka jua guna berniaga dan bertukar barang dagangan.

Terdapat perkara yang aneh yang berlaku pada zaman kaum Thamud iaitu tuhan berhala mereka mempunyai nama. Nama-nama ini mempunyai ciri-ciri bahasa Arab sedangkan, pengkaji batu bersurat pada peringkat awalnya bukan dalam kalangan orang Islam dan kebanyakan mereka tidak memahami bahasa Arab. Penyataan ini menunjukkan bahawa bahasa kaum Thamud mempunyai ciri-ciri bahasa Arab. Perkara menarik lain tentang kaum 'Ad ialah bukti gambar dari kapal angkasa Shuttle menunjukkan terdapat sebuah bandar musnah ditutupi oleh debu padang pasir. Bandar yang musnah itu ditujukan kepada kaum 'Ad. Perincian ini sangat berinformasi dan menarik.

Palestin merupakan 'rantau penghasil pewarna' kerana kaum yang hidup di Palestin amat mahir dalam pembuatan warna. Malah, kota Palestin ialah tempat peradapan yang tertua di dunia dan merupakan kawasan yang paling awal didiami. Selain, tidak dapat dilupakan bahawa kota Palestin ini menjadi rebutan Islam, Kristian dan Yahudi. Selain itu, diceritakan bahawa kaum Pompeii mendapat nasib yang sama seperti kaum Nabi Lut a.s., apabila negara mereka hancur atas perbuatan suka kepada kaum sejenis. Hal ini dapat memberi pengajaran bahawa azab Allah boleh berlaku kepada sesiapa sahaja tanpa mengenal bangsa, bahasa, tempat atau keturunan.

Seterusnya, tidak dapat dinafikan bahawa banyak penterjemahan dilakukan secara berterusan daripada kitab Taurat dan Injil khususnya. Kesannya, terdapat beberapa maklumat terpesong daripada maksud yang asal. Hal ini bertambah buruk apabila dikaitkan unsur emosi yang cuba dimasukkan oleh penterjemah. Keadaan menjadi buruk lagi apabila mereka sebenarnya tidak memahami Bahasa Armaik dengan baik kerana bahasa ini merupakan bahasa purba yang tertua. Tetapi ayat-ayat dalam al-Quran tidak akan pernah berubah walaupun sudah sekian lama di muka bumi ini sejak zaman Nabi Muhammad s.a.w dan Allah Taala sendiri menzahirkan bahawa ayat-ayatNya terpelihara oleh Allah secara mutlak. Dengan demikian segala fakta dari al-Quran adalah terpelihara daripada segala penipuan dan ralat.

Meneruskan perbincangan seterusnya ke Bab empat yang mengisahkan tentang Nabi Musa a.s. Dicatatkan bahawa firaun pernah cuba menguji akan Nabi Musa a.s. pada usianya masih bayi di mana Nabi Musa a.s. diberi pilihan untuk mengambil emas ataupun bara api. Dengan kekuasaan Allah, Nabi Musa a.s. mengambil bara api kerana malaikat Jibrail menepis tangan Nabi Musa a.s. untuk tidak mengambil emas untuk mengelak daripada dibunuh oleh firaun. Mukjizat seorang nabi menyuruh Nabi Musa mengambil emas, tetapi demi keselamatan Allah takdirkan untuk Nabi Musa mengambil bara api.

Bab ini bukan sahaja memfokuskan tentang kisah Nabi Musa a.s. sahaja, tetapi turut mengisahkan tentang Nabi Nuh a.s., Nabi Sulaiman a.s., Nabi Ibrahim a.s. dan banyak lagi. Namun begitu, hasil bacaan didapati bahawa kisah para nabi kebanyakannya ditokok-tambah. Ini kerana dalam buku *Perjanjian Lama* ada mengatakan bahawa Nabi Ibrahim mempunyai dua isteri selain Sarah dan Hajar yang dikenali sebagai Qaturah dan Hajur Arhir. Kisah Nabi Yusuf pula dikatakan bahawa beliau dijual dengan harga 20 dolar dan banyak lagi. Perkara ini menyebabkan ramai sejarawan sukar untuk menerima fakta seperti ini dan al-Quran tidak menyebut hal ini. Soalan yang pelik, adakah zaman Nabi Yusuf menggunakan mata wang dolar? Sedangkan kejadian jual beli itu berlaku di negara Mesir purba.

Beralih ke bab lima tentang permulaan tahun masihi. Dalam bab ini banyak perdebatan tentang bahasa yang digunakan oleh Nabi Isa a.s. Diceritakan juga tentang individu yang ditukarkan dengan Nabi Isa a.s. Individu itu dibunuh oleh pihak yahudi. Dia adalah salah seorang dalam kalangan pengikut Nabi Isa a.s. yang kafir walaupun telah beriman kepada Nabi Isa a.s. sebanyak 12 kali. Sebagai hukuman orang kafir tersebut mati dibunuh kerana rupanya serupa dengan Nabi Isa a.s. selepas ditukarkan oleh Allah, kemudian Nabi Isa a.s. dinaikkan ke langit. Penyelewengan kitab-kitab suci semakin teruk. Hal ini kerana kitab Taurat hari ini adalah berbeza daripada kitab Taurat pada zaman Nabi Musa a.s. dan kitab Injil kini juga turut berbeza dengan kitab Injil Nabi Isa a.s. pada zaman beliau. Hal ini turut disebut dalam al-Quran di mana terdapat ahli kitab sesuka

hati mencampur adukkan perkara yang benar dan yang salah pada kitab-kitab tersebut seperti yang dinyatakan dalam surah Ali-Imran ayat 71.

Bab terakhir bertajuk bahasa batu bersurat dan bentuk tulisan. Selepas ketiadaan Nabi Isa a.s. pihak Rom, Byzantin dan Sasania atau Persia cuba meluaskan takluk pemerintahan mereka ke Semenanjung Tanah Arab yang menjadi medan untuk menunjukkan kekuasaan di Petra, Nabaten, Palmyra dan Syria. Oleh sebab itu, sejarah tentang asal usul tulisan Arab masih lagi menjadi topik perbincangan yang hangat dalam kalangan ahli bahasa. Dalam bab ini turut mengkaji bagaimana tulisan Arab ini diperkembangkan dan bagaimanakah permulaan kewujudan bahasa tersebut. Tulisan Arab dipercayai berasal daripada tulisan Nabaten yang berubah-ubah. Tulisan ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu abjad yang digunakan untuk menulis pada batu bersurat dan abjad yang digabungkan dan ditulis pada kertas papirus. Walaubagaimanapun, penulisan pada batu bersurat lebih meninggalkan kesan kerana lebih selamat dan tidak musnah oleh perubahan alam semula jadi.

Penulisan Arab yang lengkap hanya muncul pada kurun ke-tujuh masihi. Penulisan Arab pada ketika itu tidak mempunyai tanda titik seperti sekarang. Buktinya surat utusan Rasulullah SAW yang dihantar ke negara luar, termasuk Rom dan Habsyah tidak mempunyai tanda titik untuk dibezakan hurufnya meskipun abjad Nabaten dan Syria sudah menggunakan tanda titik untuk membezakan hurufnya. Hanya selepas itu, tanda titik ditambah pada abjad Arab untuk membezakan bunyi-bunyi yang berjumlah 28 kesemuanya.

Disebabkan abjad Arab masih tidak jelas bagi golongan bangsa yang bukan Arab. Terdapat juga kesalahan yang dilakukan oleh bangsa Arab kerana kehidupan mereka yang bergaul dengan bangsa bukan Arab. Maka, sebagai langkah bijak untuk mengelakkan kesalahan bacaan al-Quran dan pertuturan dalam bahasa Arab maka Abu Aswad ad-Duali dan anak murid beliau menciptakan tanda titik. Bersyukur, kerana pada masa kini bacaan al-Quran menjadi mudah dan betul atas jerih jasa usaha para ulama' untuk penutur dan penuntut ilmu bahasa Arab.

Akhir sekali dapat disimpulkan bahawa penulisan ini mempunyai tahap ketelitian fakta sejarah yang tinggi. Kesepaduan fakta mencangkupi segenap zaman dan kepelbagaian bangsa yang disatukan dengan penuh informasi. Rujukan sejarah dan bahasa yang sangat lengkap serta keberanian diskusi terhadap penyelewengan fakta. Tampak jelas bahawa penulisan ini adalah bahan bacaan akademia yang agak berat. Dicadangkan agar penebitan penulisan ini disediakan dalam bentuk yang lebih ringan dan sesuai untuk setiap peringkat masyarakat agar manfaat fakta dan informasi dapat disebarkan dengan lebih meluas. Sebagai contoh, fakta boleh disampaikan dalam bentuk komik. Dimensi fakta-fakta juga boleh dihebahkan dalam bentuk ensiklopedia bergambar dan bersaiz besar. Fakta-fakta penulisan ini juga boleh dicadangkan agar diterbit dalam bentuk penulisan ringan dan bersiri. Selain itu, penulisan ini juga boleh difilemkan dalam bentuk dokumentari dan lain-lain bentuk siaran yang bersesuaian.

### **Wazzainab Ismail**

Jabatan Bahasa dan Pembangunan Insan

Pusat Pengajian Teras

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor